

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
[ BELURAN ]**

**SOALAN : 378**

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah negara-negara yang masih menetapkan perlunya visa pelancong untuk pemegang pasport Malaysia serta apakah status rundingan dengan Amerika Syarikat ke arah pengecualian visa pelancong bagi rakyat Malaysia ke negara tersebut.**

**JAWAPAN**

1. Visa merupakan satu hak pelepasan yang diberikan kepada pelancong oleh pihak berkuasa sesebuah negara sebagai kebenaran dan persetujuan untuk masuk atau keluar dari sesebuah negara. Penetapan visa merupakan hak mutlak sesebuah negara yang bergantung kepada keadaan geopolitik dan keperluan keselamatan negara tersebut. Ini memastikan pergerakan masuk dan keluar orang asing dapat dikawal untuk mendaulatkan keluhuran undang-undang serta keselamatan negara.

2. Dalam pada itu, pemegang Pasport Malaysia Antarabangsa yang berhasrat untuk melancong ke sesebuah negara disarankan untuk menyemak keperluan visa melalui Bahagian Konsular di Kedutaan Besar negara berkenaan terlebih dahulu bagi memastikan dasar keimigresenan yang berkuat kuasa di negara tersebut dapat dipatuhi. Langkah ini penting untuk mendapatkan kepastian berkenaan dasar keimigresenan sesebut negara memandangkan berkemungkinan terdapat perubahan terhadap dasar tersebut yang tidak dimaklumkan secara rasmi kepada Malaysia.

3. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) selaku agensi yang melaksanakan dasar keimigresenan di negara ini bertanggungjawab memastikan pelaksanaan dasar berkenaan adalah relevan dengan keperluan keselamatan dan situasi geopolitik negara. Ini termasuklah menetapkan kelayakan dan keperluan visa kepada pelancong asing yang berhasrat untuk masuk ke Malaysia.
4. Berhubung dengan status rundingan dengan Amerika Syarikat pula, Malaysia telah menyatakan hasrat untuk menyertai Program Pengecualian Visa Amerika Syarikat (USVWP) pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, Malaysia perlu memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan oleh Amerika Syarikat bagi menyertai program tersebut.
5. Setakat ini, Malaysia telah berjaya memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat yang ditetapkan iaitu:
  - (i) Penggunaan e-pasport menurut piawaian ICAO;
  - (ii) Warga Amerika Syarikat tidak dikenakan visa untuk melawat Malaysia;
  - (iii) Menerima semula penghantaran pulang mana-mana warga Malaysia yang tinggal lebih masa di Amerika Syarikat;
  - (iv) Pemeteraian perjanjian perkongsian maklumat mengenai penganas antara Malaysia dengan Amerika Syarikat, pada 8 Oktober 2015;
  - (v) Pemeteraian perjanjian perkongsian maklumat jenayah berat antara Malaysia dan Amerika Syarikat, pada 19 November 2015; dan
  - (vi) Pelaporan mengenai *Stolen and Lost Travel Document* (SLTD) dalam masa 24 jam kepada INTERPOL.

6. Seterusnya, Malaysia sedang berusaha untuk memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan. Antara lain, syarat-syarat yang sedang dilaksanakan ialah:

- (i) Menggunakan pangkalan-pangkalan data yang dibangunkan INTERPOL seperti SLTD, *Foreign Terrorist Fighters* (FTF) and *Travel Documents Associated With Notices* (TDAWN) di pintu-pintu masuk negara; dan
- (ii) Menggunakan pangkalan data mengenai maklumat pengganas dan penjenayah yang dikongsi Amerika Syarikat dengan Malaysia bagi menyaring kemasukan pelawat di pintu-pintu masuk negara.

7. Terdapat juga syarat yang masih belum dapat dipenuhi iaitu kadar penolakan visa Amerika Syarikat di bawah tiga peratus setiap tahun. Maklumat kadar penolakan visa bagi negara Malaysia yang dikeluarkan oleh *US State Department* dari tahun 2014 hingga tahun 2017 adalah seperti berikut:

Tahun	Peratus Penolakan
2014	4.58%
2015	3.34%
2016	3.65%
2017	3.93%

8. Pematuhan kepada kadar penolakan visa kurang daripada 3% adalah di luar kawalan Kerajaan dan agensi-agensi yang berkaitan. Ini adalah kerana syarat ini terlalu bergantung kepada tahap kejujuran individu yang memohon visa dan budi bicara Pegawai Konsular Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur.

9. Walau bagaimanapun, Bahagian Hal Ehwal Imigresen Kementerian Dalam Negeri sejak tahun 2015 telah mengambil langkah proaktif untuk bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur

dalam mengadakan sesi libat urus, *outreach* dan program kesedaran mengenai tatacara permohonan visa yang betul kepada warganegara Malaysia. Diharap agar program-program seumpama ini dapat meningkatkan lagi pemahaman warganegara Malaysia terhadap prosedur visa Amerika Syarikat dan sekaligus diharap dapat mengurangkan kadar penolakan visa sehingga paras di bawah tiga peratus.

10. Pihak Amerika Syarikat turut sentiasa memantau perkembangan pelaksanaan USVWP di Malaysia dan telah beberapa kali menghantar pasukan teknikal mereka ke Malaysia sejak tahun 2015. Lawatan terakhir pasukan teknikal tersebut adalah pada 27 Jun 2018.

11. Pihak Amerika Syarikat menetapkan bahawa hanya setelah Malaysia memenuhi kesemua syarat-syarat yang ditetapkan, barulah sebuah pasukan audit akan dihantar untuk menilai dan menentukan sama ada Malaysia sudah bersedia sepenuhnya serta layak diterima menyertai *Visa Waiver Program*.

12. Kerajaan yakin bahawa semua usaha yang telah dan sedang dilaksanakan akan membawa hasil serta optimis bahawa semua syarat yang ditetapkan oleh Amerika Syarikat dapat dipenuhi dengan sempurna. Ini bagi memastikan aspirasi Kerajaan untuk menyertai *Visa Waiver Program* akan dapat direalisasikan kelak.